



Bersempena dengan keluaran menyambut Hari Raya Fitrah ini maka ruangan Abu al-Mokhtar dengan lajnahnya mengucapkan *min al-‘āidīn al-fāizīn al-maqbūlīn kullu ‘ām wa antum bi khayr*. Kita berharap kepada penggemar-penggemar ruangan ini supaya lebih-lebih menggemarinya lagi dengan menghadapkan pertanyaan-pertanyaan yang terutamanya dalam perkara-perkara mengenai kehidupan sehari-hari lebih diutamakan daripada perkara-perkara yang mengenai lain hal yang jauh daripada perkara yang berkaitan dengan kehidupan itu. Mudah-mudahan Allah memberkati kita bersama supaya ruangan ini menjadi ruangan yang lebih bermanfaat kepada umum.

Zainol bin Ahmad, Kampung Nyabur, Sarawak bertanya: Baru-baru ini menurut siaran dari Brunei menyatakan bahawa Residen Komisioner Brunei telah mengisytiharkan beberapa nama buku-buku cerita yang dipandang cabul supaya diharamkan daripada dijual, dibaca dan disimpan di Brunei dan satu perkara yang menghairankan saya bahawa ada pula di antara nama buku-buku itu didapati kitab Soal Jawab karangan Tuan Hasan bin Ahmad di Bandung yang mendasarkan masalah-masalahnya kepada al-Qur’an dan al-ḥadīth. Kerana ia mengenai dengan kitab yang membahas perkara-perkara agama yang diasaskannya kepada al-Qur’an dan al-ḥadīth maka saya suka mendatangkan pertanyaan seperti di bawah ini:

1. Apakah orang-orang yang mengharamkannya berdasarkan pegangannya kepada al-Qur’an dan al-ḥadīth serta Ijmak sahabat (dalam perkara ibadat) dan Qiyas dalam perkara yang *berthābit* dengan alam yang tidak ada perkaranya di dalam Islam dahulu?

2. Adakah kitab Soal Jawab yang diharamkan, sebagai sebuah kitab yang dikeluarkan oleh

orang-orang yang bukan Islam atau orang yang tidak mengucapkan kalimah tauhid *lā ilāha illa Allāh Muḥammad rasūl Allāh*?

3. Bagaimanakah pendapat tuan yang semoleknya untuk mencari kebenaran dalam hal ini, supaya jangan mengharamkan sesuatu dengan tidak usul periksa dan melakukan kebijaksanaan – menggunakan kuasa-kuasa agama di sebuah negeri kerana mempertahankan kedudukan?

Jawab: Sebenarnya kita sudah membaca tegahan-tegahan yang dikeluarkan oleh Residen Komisioner di Brunei untuk mengharamkan, di antaranya ialah kitab Soal Jawab itu yang kita percaya bahawa pengharaman itu adalah mendapat atau menerima anjuran daripada Jabatan Agama Brunei yang di dalamnya tentu pula ada lajnah ulama Brunei yang menghendaki supaya diambil kuasa untuk mengharamkan kitab Soal Jawab yang tersebut.

Agama Islam itu bukannya kepunyaan seseorang tetapi adalah agama Allah yang menurunkan al-Qur’an yang disampaikan oleh Muhammad (SAW) kepada kita dan menjadikan Muhammad (SAW) itu orang yang memberi petunjuk kepada kita.

Junjungan kita telah berpesan bahawa kamu tidak akan sesat selama-lamanya apabila kamu berpegang kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya. Berasas kepada amanah itulah maka pegangan bagi seseorang Islam itu hendaklah kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya yang telah menentukan bahawa agama Islam itu sesempurna-sempurnanya dan di dalam mengenai ibadat sudah terang dan nyata bahawa tidak ada satu pun tambahan-tambahan di dalamnya – tidak ada soal jawab yang berlaku di dalamnya asalkan saja jelas dan terang ditunjukkan di dalam al-Qur’an disampaikan oleh junjungan kita Muhammad (SAW) dan jika kurang terang di dalam masalah itu, masalah ibadat, maka diambil

pengakuan yang sama daripada sahabat-sahabat yang hidup di dalam zaman Rasulullah itu, yang tentunya sahabat-sahabat itu orang yang dipercayai dan hidup sekedudukan dengan Junjungan kita itu.

Dengan demikian maka teranglah bahawa pengertian itu sejak daripada Rasulullah membawa ke sahabat, tabiin dan *tābi' al-tābi'in* panduan hidup (beribadat) itu adalah semata-mata berpandu kepada al-Qur'an, al-ḥadīth dan ijmak sahabat. Imam-imam mazhab sendiri mengatakan bahawa apabila pengertian mereka berlawanan dengan al-Qur'an dan al-ḥadīth maka buanglah pengertian mereka; kerana kadang-kadang pengertian itu di dalam mazhab-mazhab, yang satu mengatakan halal dan yang satu mengatakan haram di dalam satu masalah – ertinya terbit dua hukum: hukum halal dan haram pada hal maha suci agama Islam daripada yang demikian itu. Kadang-kadang di dalam satu mazhab pula ada *qawlun qadīm* dan *qawlun jadīd* berubah pendapatnya apabila ia sendiri mendapati keterangannya pada masa yang lampau tidak ada jadi dahulu dari datangnya mazhab sememangnya panduan atau pegangan beribadat itu ialah al-Qur'an dan al-ḥadīth yang disempurnakan dengan ijmak sahabat jika perkara itu tidak terang.

Dan perkara-perkara yang boleh dikiaskan tidaklah ada atas perkara yang telah sempurna (perkara ibadat) tetapi kepada perkara-perkara yang timbul yang tidak ada atau yang tidak pernah berlaku pada zaman Rasulullah, seperti masalah *Injection*, pembelahan mayat, sekatan beranak dan seumpamanya. Yakni perkara-perkara itu tidak ada pada zaman Rasulullah dan hukum-hukumnya hendaklah dikiaskan pada perkara-perkara yang ada pada zaman itu.

Jadi pegangan yang dijalankan sekarang sudah beribu-ribu tahun ditinggalkan semenjak daripada zaman Rasulullah, kepada zaman sahabat, zaman *tābi'in*, oleh peringkat-peringkat yang akhir dicuba dengan berani mengembalikan

kepada pengertian yang asal – sesat dijalan balik ke pangkal dan kerana itu, mereka dengan tegas memberikan hukum-hukum, dan persoalan ibadat, tidak lagi berpegang kepada pendapat atau fikiran ulama-ulama tetapi tegas kepada asas-asas yang dua dan tiga itu, yaitu al-Qur'an, al-ḥadīth dan ijmak sahabat seperti pada zaman permulaan Islam dahulu supaya jangan ada dua hukum di dalam satu masalah yang ditimbulkan oleh pendapat-pendapat mereka, pendapat manusia, dan kerana itulah maka mereka dengan tegas meskipun mendapat tentangan hebat daripada orang-orang yang telah menjadi pengikut ahli-ahli mazhab itu.

Jadinya perkara itu memang pegangan yang asal dahulu.

Sekian jawapan kepada soal yang pertama.

Menjawab soalan yang kedua. Pendapat-pendapat yang diambil daripada kitab Soal Jawab itu bukannya pendapat-pendapat baharu tetapi pendapat-pendapat yang asal yang telah ditulis oleh ulama-ulama yang terus memberi pegangan kepada yang mereka tulis itu. Mereka itu orang Islam yang berpendirian tegas mengikut al-Qur'an dan hadis dan sekiranya ada orang yang mengatakan mereka itu bukan Islam mengikut keterangan al-Qur'an dan al-ḥadīth serta ijmak sahabat maka orang yang bersedia memberikan wang kepada mereka itu dan bersedia pula mengadakan satu majlis bahas untuk mencari kebenaran di dalam hal yang serupa ini.

Jawapan kepada soal yang ketiga: semolek-moleknya ulama-ulama di Brunei yang berdiri di belakang Residen Komisioner itu mengadakan *munāzarah* terlebih dahulu daripada mengharamkan kitab Soal Jawab itu. Kita percaya bahawa pengarang yang bertanggungjawab dalam kitab Soal Jawab itu bersedia akan mengadakan majlis *munāzarah* jika kerajaan Brunei bersedia menyambutnya dan harus beliau sendiri akan suka datang dengan perbelanjaan

sendiri ke majlis itu jika ulama-ulama di Brunei mahu mencari kebenaran di dalam hal ini. Ulama-ulama di Brunei boleh berutus kepada pengarang buku itu sendiri yaitu; Tuan Hasan bin Ahmad, 304, Bogor, Bangil. Jawa Timur. Ataupun jika hendak kepada orang tengah untuk menguruskannya. Kita percaya Tuan Yahya Arif di Kuala Kangsar harus akan bersedia menguruskannya atau pun kepada pengarang majalah Qalam sendiri yang akan bersedia menyampaikan permintaan itu kepada Kiyai Hasan bin Ahmad, untuk *bermunāzarah* mencari kebenaran itu.

Mudah-mudahan anjuran ini akan disambut dengan hati yang lapang oleh ulama-ulama di Brunei terutamanya yang Dipertua Jabatan Agamanya supaya dapat mencari kebenaran, mencari yang hak dihadapan umum bersoal jawab dengan hujah-hujah yang nyata supaya jangan orang ramai terkeliru di dalam memahami sesuatu perkara yang diharamkan pada hal asas yang dibentangkan oleh mereka itu, menurut pendapat mereka, berpandu kepada al-Qur'an dan al-ḥadīth yang bermakna jika pendapat itu diharamkan, haram jugalah al-Qur'an dan al-ḥadīth itu di dalam negeri Brunei. Jika sekiranya Jabatan Agama di Brunei itu berpendapat bahawa pengertian daripada kitab Soal Jawab itu salah maka kesalahan itu menjadi kewajibannya untuk memperbaikinya berhadapan dengan pengarang yang bertanggungjawab di dalam *munāzarah*, kerana dengan *munāzarah* itulah kita percaya akan dapat menyelenggarakan tanggungjawab masing-masing.

* * *

Abang Rohan Hamid, Pejabat *Agriculture*, Sarawak, bertanya: Adakah wajib kita menggunakan akal menyasiat hukum agama dan mengubahkan pelajaran datuk nenek apabila di dapati pengajarannya berlawanan dengan hadis dan Quran?

Jawab: Soal saudara ini sebenarnya terpecah kepada dua: yang pertama mengenai akal dan kedua mengenai

mengubah perkara-perkara yang ternyata berlawanan dengan al-Qur'an dan al-ḥadīth.

Akal adalah satu alat yang sangat berguna untuk mengadakan penyasiatan – penyasiatan itu tidak akan dapat dijalankan melainkan dengan menggunakan akal. Orang yang tidak berakal sudah tentu tidak akan dapat menjalankan penyasiatan tentang kegunaan akal itu berapa banyak disebut di dalam al-Qur'an dan juga al-ḥadīth di antaranya tidak ada agama bagi orang yang tidak berakal. Akal yang sempurna itu hanya mulia kalau ia dipandukan kepada agama dan digunakannya untuk penyasiatan meghalusi hukum-hukum itu dengan akalnya yang sempurna sesudah mengadakan penyelidikan untuk menambah keyakinannya. Sedangkan untuk mengetahui dan meyakinkan diri kita kepada Tuhan, Tuhan suruh kita menggunakan akal fikiran kita. Lihatlah bagaimana gunung ditegakkan dan seterusnya, berfikirilah kamu, kata Tuhan supaya kamu mengetahui siapa yang menjadikannya. Kalau saudara keluar daripada rumah melihat tumbuhan-tumbuhan yang hidup dan saudara tidak menggunakan akal kepadanya, tidak memberi perhatian kepadanya, maka saudara akan berkata ia itu perkara biasa. Tetapi apabila saudara lihat dan perhatikan bagaimana pokok itu tumbuh, bagaimana ia naik, bagaimana keadaan hidupnya tumbuhan itu. Keadaannya dan segala-galanya sesudah saudara berfikir maka saudara tanya diri apakah saudara mempunyai kesanggupan untuk membuatnya maka apabila saudara sudah mendatangkan pertanyaan kepada diri sendiri, akhirnya nanti saudara akan mengetahui bahawa saudara seorang hamba yang lemah, tidak berkuasa membuat sesuatu dan kerana itulah saudara akan tunduk kepada Tuhan dengan setunduk-tunduknya.

Tetapi ada pula pada setengah-tengah tempat di dalam agama itu akal tidak boleh dimasukkan. Misalnya di dalam perkara

yang mengenai *ubūdiyyah*. Di sana kita dikehendaki menyelidiki keterangan-keterangan itu – keterangan-keterangan yang diberi dengan menggunakan akal. Tetapi tentang pelaksanaannya hendaklah tunduk kepada perbuatan itu – tidak boleh menambah atau mengurangi, tidak boleh menggunakan akal di dalamnya. Sebab kalau digunakan akal di dalam masalah *ubūdiyyah* itu, maka di dalam semua masalah yang lain kita akan menggunakan akal pula. Umpamanya di dalam perkara ibadat haji: mencium batu *Hajar al-Aswad*, *tawāf*, *sa'ī*, melempar batu di jamrah. Ini semuanya kalau kita menggunakan akal, maka akal kita akan mengatakan bahawa perbuatan itu sia-sia. Maka itulah di dalam perkara ibadat dikehendaki supaya dicari suruhan atasnya dan apabila disuruh buat tidak boleh menggunakan akal dan kerjakanlah perbuatan-perbuatan yang diperintah oleh Tuhan dan Rasul-Nya menurut al-Qur'an dan al-ḥadīth dengan tidak bimbang-bimbang lagi. Jadi akal itu ada tempat digunakan dan ada tempat merosak ibadat kalau digunakan.

Jawapan yang kedua: Kalau sudah kita dapati bahawa pengajaran-pengajaran datuk nenek kita itu menyalahi dan berlawanan dengan pendapat al-Qur'an dan al-ḥadīth maka wajib bagi kita mengubahnya dan menganggarkannya. Dalam masa 1300 tahun lebih lamanya agama Islam berjalan maka tidak kurang selama perjalanan itu simpang siur adat resam telah banyak dimasukkan sebagai suatu perkara ibadat – umpamanya air yasin, kenduri tahlilm tepung tawar, mandi-mandi, tepak sireh – semuanya itu berasal dari adat resam Hindu – dimasukkan ke dalam Islam dan dijadikan adat yang diada-adakan beberapa zaman lamanya sehingga banyak di antaranya keyakinan tauhid kepada Tuhannya.

Aidilfitri 1376

Sambungan dari muka 7

soal juga yang patut dipecahkan.

Demikianlah Aidilfitri ini sering membawa kita kepada beberapa ajaran penting yang sering kita lupakan begitu sahaja, maka patut benarlah soal-soal ini menjadi tujuan kepada mubaligh-mubaligh kita selepas hari yang mulia ini nanti memikirkannya.

Rasanya cukuplah bagi menutup tulisan ini. Saya menurunkan di sini buat Qalam seseorang pemimpin Islam Indonesia yang terkenal, bapa Mohammad Natsir:

Wahai kaumku umat Islam,
telah bertingkah – guruh dan petir.
Seakan kilat hendak menyambarmu.

Telah menghitam awan dahulu,
seakan banjir hendak melandamu.

Telah berdendang lagu dan siul,
seakan rayuan membawamu hanyut.

Tegakkan kepalamu di ini hari:

Allāhuakbar, wa lillāh al-ḥamd,
hanya Allah yang Maha Besar,
kepada-Nya pulang puji dan syukur,
kembalilah kamu ke dalam hidayah dan taufik-Nya.
“Di sana terlirik pengkalan merebut kejayaan mu”.

SELAMAT HARI RAYA

AIDILFITRI

Kepada sekalian *Ikhwān al-Muslimīn*